

maka setiap kelakuan serta tutur kata mereka di atas bumi ini juga seboleh-bolehnya dijaga sama seperti ketika mereka berada di dalam masjid. Dengan begitu akan aman damailah dunia ini. Sesungguhnya banyak sekali hikmat dan falsafah yang tersirat di sebalik pelaksanaan sembahyang, terutamanya sembahyang dengan berjama'ah di masjid. Andaikata segala hikmat dan falsafah sembahyang diperhati dan direnugi dengan cermat, manusia akan mendapat banyak sekali pengajaran dan pedoman untuk merentasi kehidupan mereka di dunia ini selain mendapat pahala di akhirat nanti. Konsep 'mendirikan' sembahyang akan menjadi lebih sempurna dengannya. Pada ketika itu barulah peranan sembahyang sebagai pencegah kepada *Fahsyah* dan *Mungkar* akan terserlah nyata. Perhatikanlah Firman Allah s.w.t. berikut:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Bermaksud: ... dan dirikanlah shalat (sembahyang). Sesungguhnya shalat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar... (al-'Ankabut:45).

¹⁰⁷ Mengeluarkan zakat atau menunaikan zakat adalah terjemahan kepada rangkai kata *إِيْتَاءُ الزَّكَاةِ*. Kalau perintah menunaikan sembahyang di dalam al-Qur'an sentiasa didahului dengan perkataan "*Dirikanlah*", maka perintah menunaikan zakat pula sentiasa didahului dengan perkataan "*Keluarkanlah zakat atau tunaikanlah zakat*". Sepertimana perintah "*Dirikanlah*", perintah "*keluarkanlah*" juga mempunyai pengertian dan tafsiran yang tersendiri. Antaranya ialah: (i) Pengeluaran zakat haruslah disertai dengan keimanan. Tanpa penyertaan iman, ibadah tersebut tidak mendatangkan apa-apa erti. (ii) Pengeluaran Zakat hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syari'at. Tanpa mengikut panduan syari'at, penunaian zakat tidak akan dinilai sebagai suatu ibadah.

¹⁰⁸ Keempat mengerjakan haji dan kelima berpuasa di bulan Ramadhan. Berdasarkan sesetengah riwayat, berpuasa di bulan Ramadhan tersebut sebelum mengerjakan haji. Ada riwayat lain yang juga berpunca daripada Ibnu 'Umar meletakkan ibadah puasa di tempat yang keempat, sementara ibadah haji pula berada di tempat kelima. Apabila perawinya, Ibnu 'Umar diminta kepastian berhubung dengan perbezaan tertib di antara kedua riwayat berkenaan, beliau menegaskan bahawa kedua-duanya didengarnya sendiri daripada ucapan Baginda s.a.w. Dengan itu jelaslah bahawa kedua-dua susunan tersebut mengandungi pengertiannya yang tersendiri. Justeru para 'ulama' telah menyimpulkan bahawa: (1) Hadits-hadits yang meletakkan berpuasa di bulan Ramadhan sebelum mengerjakan haji sebenarnya lebih mengambil kira tertib ibadah-ibadah berkenaan berdasarkan tarikh atau sejarah pemfardhuannya. Para 'ulama' bersepakat tentang puasa di bulan Ramadhan difardhukan sebelum ibadah haji. Puasa di bulan Ramadhan difardhukan pada tahun kedua Hijrah, sedangkan haji pula difardhukan pada tahun keenam Hijrah. Menurut sesetengah 'ulama' haji baru difardhukan pada tahun kesembilan Hijrah. (2) Hadits-hadits yang meletakkan mengerjakan haji sebelum berpuasa di bulan Ramadhan pula lebih bermaksud mengklasifikasikan bentuk ibadah kepada dua kategori, iaitu: (i) *Ibadah Wujudiyyah*, iaitu amalan ibadah yang terlaksana melalui perbuatan fizikal. Dalam erti kata yang lain, ibadah yang dilakukan dengan anggota badan, seperti sembahyang, menunaikan haji dan sebagainya. (ii) *Ibadah 'Adamiyyah* atau *Tarkiiyyah*, iaitu ibadah yang terlaksana tanpa perbuatan fizikal, sebaliknya ia terjadi dengan semata-mata meninggalkan sesuatu. Seperti meninggalkan makan, minum dan lain-lain di waktu siang pada bulan Ramadhan, menjauhi segala larangan syariat seperti zina dan lain-lain. **Riwayat yang meletakkan ibadah haji sebelum berpuasa di bulan**

Ramadhan lebih bermaksud mengklasifikasikan ibadah kepada *Wujudhiyyah* yang disusun secara turutan, bermula dengan sembahyang, zakat dan haji. Kemudian barulah disebutkan *ibadah tarkhiyyah* iaitu puasa. (iii) *Ibadah Wujudhiyyah* terbahagi kepada tiga bahagian pula. (a) *Badaniyyah*. Ibadah Badaniyyah ialah ibadah yang berkaitan dengan tubuh badan atau pergerakan badan. Mendirikan sembahyang merupakan satu contoh ibadah badaniyyah. (b) *Maaliyyah*. Ibadah maaliyyah ialah ibadah yang berkaitan dengan harta benda. Mengeluarkan zakat merupakan satu contoh ibadah maaliyyah. (c) Gabungan di antara badaniyyah dan maaliyyah. Ibadah yang menggabungkan badan dan harta antara lainnya ialah mengerjakan haji. (iv) Ibadah puasa terletak paling akhir kerana selain ia merupakan *ibadah tarkhiyyah* ia juga merupakan satu ibadah yang dikatakan Allah bahawa: *الصيام لي وأنا أجزي به* Bermaksud: "Puasa hanya untukKu. Akulah yang dapat memberi pahalanya." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Ahmad, an-Nasaa'i dan lain-lain). Di antara amalan-amalan yang tersebut di dalam hadits ini puasalah yang agak berbeza daripada yang lain-lain. Kerana itulah ia disebutkan paling akhir. **Hafiz Ibnu Hajar di dalam** Fathul Baari mentarjihkan hadits Ibnu 'Umar yang diriwayatkan oleh Muslim yang mendahulukan berpuasa di bulan Ramadhan daripada mengerjakan haji. Bagi beliau, riwayat Bukhari daripada Ibnu 'Umar yang mendahulukan mengerjakan haji daripada berpuasa di bulan Ramadhan itu adalah riwayat berdasarkan ma'na (رواية بالمعنى). Riwayat Muslim yang mendahulukan berpuasa di bulan Ramadhan daripada mengerjakan haji pula adalah riwayat berdasarkan lafaz (رواية باللفظ) yang merupakan riwayat asal daripada Ibnu 'Umar atau ia adalah lafaz Nabi s.a.w. yang sebenarnya. Sama ada perawi tidak mendengar bantahan Ibnu 'Umar terhadap orang yang menegurnya kerana beliau telah menyebutkan berpuasa di bulan Ramadhan sebelum mengerjakan haji dalam majlis yang lain atau perawi terlupa lalu berlakulah apa yang dikatakan riwayat berdasarkan ma'na. Riwayat berdasarkan ma'na juga adalah sesuatu yang diharuskan penggunaannya oleh jumhur 'ulama' kepada orang-orang yang alim. Supaya lebih jelas berikut dikemukakan riwayat Muslim yang dimaksudkan oleh Hafiz Ibnu Hajar itu bersama terjemahannya: *عن ابن عمر عن النبي صلى الله عليه وسلم قال بُنِيَ الإسلام على خمسة على أن يؤخذ الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وصيام رمضان والحج فقال رجل الحج وصيام رمضان قال لا صيام رمضان والحج هكذا سمعته من رسول الله صلى الله عليه وسلم* Bermaksud: Ibnu Umar meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: Islam itu dibangun di atas lima perkara. (Pertama) Tauhid (mengesakan Allah). (Kedua) Mendirikan sembahyang. (Ketiga) Memberi zakat. (Keempat) Berpuasa di bulan Ramadhan dan (kelima) Mengerjakan Haji. Tiba-tiba Ada seorang lelaki berkata: "Haji dan puasa bulan Ramadhan". Jawab Ibnu Umar: "Tidak! Puasa bulan Ramadhan dan Haji. Begitulah aku dengar daripada Rasulullah s.a.w." **Bagaimanapun bukan seorang dua** pensyarah Sahih Bukhari yang mengkritik pendapat Hafiz Ibnu Hajar ini. Bagi mereka kritikan Hafiz Ibnu Hajar itu tidak kukuh kerana beberapa alasan berikut: (1) Imam Muslim tidak mengemukakan satu riwayat itu sahaja di dalam Sahihnya. Imam Muslim telah mengemukakan empat saluran riwayat berkenaan daripada Ibnu 'Umar. Yang pertama dan yang keempat daripadanya mendahulukan berpuasa di bulan Ramadhan daripada mengerjakan haji. Yang kedua dan yang ketiga pula mendahulukan mengerjakan haji daripada berpuasa di bulan Ramadhan. (2) Bantahan Ibnu 'Umar terhadap orang yang menegurnya kerana beliau telah menyebutkan berpuasa di bulan Ramadhan sebelum mengerjakan haji di dalam hadits Muslim yang dikemukakan tadi, tidak harus dijadikan dalil tentang Ibnu 'Umar telah menyalahkan riwayat beliau sendiri yang menyebutkan sebaliknya. Tidak semestinya juga ia menunjukkan Ibnu 'Umar terlupa akan hadits yang pernah

diriwayatkannya kepada orang ramai. Kedua-dua riwayat yang dikemukakan oleh Ibnu 'Umar itu dapat dijama' dengan mengatakan beliau sebenarnya bermaksud menyatakan kedua-duanya telah didengar beliau daripada Rasulullah s.a.w. Mungkin sekali Ibn 'Umar telah mendengar hadits berkenaan sekurang-kurangnya dua kali. Ada ketikanya Nabi s.a.w. menyebutkan berpuasa di bulan Ramadhan sebelum mengerjakan haji dan ada ketikanya pula Baginda s.a.w. mendahulukan mengerjakan haji daripada berpuasa di bulan Ramadhan. (3) Mengatakan secara putus bahawa riwayat Ibnu 'Umar yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam Sahihnya ini adalah riwayat berdasarkan ma'na agak tidak sesuai dengan kedudukan Bukhari yang terlalu tinggi. Apalagi jika dilihat kepada susunan kitab-kitab dan bab-bab di dalam Sahih Bukhari. Bukankah Kitab al-Manaasik (Kitab Haji) menyusul selepas Kitab az-Zakat dan Kitab as-Saum (Kitab Puasa) pula menyusul selepas Kitab al-Manaasik (Kitab Haji)? Penyusunan kitab-kitab mengikut tertib seperti itu jelas menunjukkan Bukhari menjadikan hadits Ibnu 'Umar yang mendahulukan mengerjakan haji daripada berpuasa di bulan Ramadhan sebagai asas pegangannya. Agak sukar untuk diterima Imam Bukhari mengutamakan riwayat berdasarkan ma'na dalam keadaan ada di hadapannya hadits yang diriwayatkan berdasarkan lafaz asal daripada Rasulullah s.a.w. atau daripada seseorang sahabat Baginda! (4) Apa yang tersebut di dalam Mustakhraj Abi 'Awaanah 'Ala Sahih Muslim adalah sebalik daripada apa yang tersebut di dalam Sahih Muslim seperti dikemukakan di atas. Kerana di dalamnya tersebut kata-kata Ibnu 'Umar begini: اجعل صيام رمضان اجمع اخرهن كما سمعت من في رسول الله صلى الله عليه وسلم Bermaksud: Letaklah puasa bulan Ramadhan di akhir sekali sebagaimana aku dengar dari mulut Rasulullah s.a.w. sendiri. (Lihat Syarah an-Nawawi 'Ala Sahih Muslim j.1 hal. 179, 'Umdatul Qaari Syarah Sahih al-Bukhari j.1 hal.324 dan Syarah as-Suyuthi, ad-Dibaaj 'Ala Sahih Muslim Bin al-Hajjaaj j.1 hal.17). Walaupun Hafiz Ibnu as-Shalaah selepas mengemukakan kata-kata Ibnu 'Umar ini berkata: "Ia tidak dapat menandingi apa yang tersebut di dalam hadits Muslim." Tetapi bukankah Muslim juga ada meriwayatkan dua hadits daripada Ibnu 'Umar sama seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari? **Menerusi hadits ini Rasulullah s.a.w.** mengumpamakan Islam dengan sebuah khemah yang lumrah digunakan dalam masyarakat 'Arab. Sepertimana khemah itu tegak dengan satu tiang seri dan empat pancang di sekelilingnya, begitulah juga dengan agama Islam. Bangunan Islam akan berdiri megah selagi ada lima rukun yang tersebut di dalam hadits ini. Empat pancang di sekeliling sesebuah khemah menepati empat lagi rukun Islam selain dua kalimah syahadah. Kesemuanya bertindak sebagai penyokong dan pengukuh kedudukan khemah. Kalau satu, dua atau tiga daripadanya tiada, maka khemah itu masih juga ada. Tetapi dalam keadaan lemah dan tidak sempurna. Ada ketikanya ia mungkin terdedah kepada keruntuhan. Menafa'at sepenuhnya daripada sesebuah khemah juga tidak lagi dapat diambil daripada khemah seperti itu. Jika tiang serinya pula tiada, maka pada ketika itu tiada lagi apa yang dinamakan khemah. Tiada lagi ruang berteduh di bawahnya. Tiada lagi menafa'at dan faedah yang dapat diambil daripadanya. Demikianlah juga dengan bangunan Islam. Ia tegak sempurna dan megah dengan kelima-lima rukunnya. Tiang seri bangunan Islam ialah dua kalimah syahadah iaitu bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu adalah utusan Allah. Dalam erti kata yang lain ia merupakan pernyataan kepercayaan kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa ('aqidah tahid) dan kepercayaan kepada kerasulan Muhammad. Kalau rukun asas ini tiada, maka tidak ada apa yang dinamakan Islam itu. Kalau satu atau dua daripada empat lagi rukun Islam yang diumpamakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan empat pancang di sekeliling sebuah khemah itu pula tiada, maka bangunan Islam akan

menjadi lemah dan tidak sempurna. Dalam keadaan keempat-empat rukun Islam selain dua kalimah syahadah tidak ada, lebih-lebih lagi bangunan Islam itu terancam kepada keruntuhan dan kerobohan. Perumpamaan yang dibuat Rasulullah s.a.w. ini jelas menggambarkan dua perkara berikut: (1) Apabila seseorang masuk ke dalam khemahnya, selamatlah dia daripada ancaman musuh dalam dan luarnya. Ia juga terpelihara daripada kepanasan dan kesejukan. Begitulah keadaannya apabila seseorang masuk ke dalam Islam yang sempurna, dia akan terselamat daripada ancaman musuh dalamannya berupa nafsu ammaarah dan ancaman musuh luarnya berupa syaitan. Dia juga akan terpelihara daripada ancaman neraka daripada thabaqah naariyyah (azab berupa api dan kepanasan yang sangat dahsyat) dan thabaqah zamharirnya (azab neraka berupa kesejukan yang tidak terperi). (2) Komponen bagi sesuatu benda atau perkara terbahagi kepada dua bahagian. (a) Yang menyebabkan kewujudannya (جزء مقوم). (b) Yang menyempurnakannya (جزء مكمل). Komponen daripada bahagian (a) kalau tidak ada, niscaya tidak akan wujudlah sesuatu benda atau perkara. Dalam perumpamaan yang diberikan Rasulullah s.a.w. itu kesaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu adalah utusan Allah, merupakan komponen daripada bahagian (a) atau ia merupakan جزء مقوم bagi agama Islam. Seseorang tidak akan dikira beragama Islam sekiranya komponen ini tidak ada padanya. Sementara empat rukun selainnya pula merupakan komponen daripada bahagian (b). Seseorang yang tidak menegakkannya tetap dikira beragama Islam jika komponen pertama telah ada padanya, meskipun Islamnya itu tidak sempurna kerana ketiadaan penyempurna-penyempurnanya. **Para 'ulama' berpendapat**, walaupun rukun Islam itu hanya lima, tetapi secara simboliknya ia merangkumi hampir kesemua ajaran Islam yang lain. Ajaran Islam itu secara keseluruhannya mungkin berupa ucapan atau tidak. Kalau berupa ucapan, maka sudah termasuk dalamnya ucapan dua kalimah syahadah. Kalau bukan berupa ucapan, mungkin ia merupakan perbuatan atau tidak. Kalau bukan perbuatan, sudah termasuk dalamnya puasa. Kerana dalam berpuasa seseorang tidak perlu melakukan apa-apa. Yang diperlukan ialah meninggalkan makan, minum dan beberapa perkara yang lain. Kalau ia berupa perbuatan pula, maka salah satu daripada tiga bentuk perbuatan berikut tidak akan terkeluar, iaitu (a) Perbuatan yang melibatkan tubuh badan semata-mata. Sembahyang sudah termasuk di dalamnya. (b) Perbuatan yang melibatkan harta benda semata-mata. Sudah termasuk di dalamnya zakat. (c) Perbuatan yang melibatkan tubuh badan dan harta benda. Ibadat haji termasuk di dalam bahagian ini. Jihad tidak disebut Rasulullah s.a.w. sebagai rukun Islam kerana sifatnya berkala atau kerana ia bukan merupakan fardhu 'ain (sesuatu yang wajib atas setiap orang Islam). **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Rukun Islam ada lima kesemuanya. Satu daripadanya merupakan juzu' muqawwimnya (komponen yang menentukan ada atau tiadanya Islam seseorang) dan yang empat lagi itu adalah juzu' mukammilnya (komponen yang menyempurnakannya). (2) Lima perkara yang tersebut di dalam hadits ini semuanya adalah fardhu 'ain yang wajib ke atas setiap orang Islam melaksanakannya. (3) Walaupun rukun Islam pada sebutan dan pada zahirnya hanya lima sahaja, namun secara simboliknya ia merangkumi hampir kesemua ajaran Islam yang lain. (4) Keharusan menggunakan perkataan Ramadhan sahaja untuk bulan Ramadhan. (5) Keharusan mentaqdirkan erti-erti yang sesuai daripada sabda Rasulullah s.a.w. yang tidak jelas atau ringkas. Perkataan lima (خمس) tanpa tamyiz, harus ditaqdirkan dengan rukun, asas, tiang dan lain-lain sebagai tamyiznya. (6) Penyaksian terhadap kebenaran para nabi, rasul, malaikat dan lain-lain di samping penyaksian